

BNM ada hak, kuasa tentukan OPR tanpa campur tangan kerajaan - Anwar [METROTV]

BERNAMA

Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia (BNM) mempunyai hak dan kuasa dalam membuat keputusan berkaitan dengan Kadar Dasar Semalaman (OPR) tanpa perlu membabitkan campur tangan kerajaan bagi memastikan kestabilan ekonomi negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, hak dan kuasa yang memberi kesan kepada ekonomi negara telah diberi pengkhususan masing-masing seperti yang termaktub dalam peraturan dan undang-undang Malaysia.

"(Perubahan berhubung) OPR adalah keputusan Bank Negara (Malaysia) dan bukan Kementerian Kewangan. Kalau nak bincang, saya boleh bincang. Tapi itu adalah 'wenang' (kuasa) Bank Negara Malaysia," katanya pada sidang media selepas mesyuarat Kabinet hari ini.

Anwar berkata demikian sebagai menjawab soalan berhubung impak dan tindakan oleh Kementerian Kewangan susulan jangkakan kenaikan OPR sebanyak dua kali oleh BNM.

Disiarkan pada: Januari 4, 2023 @ 3:36pm



ANWAR bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi. FOTO Aizuddin Saad